



MAJLIS BANDARAYA ALOR STAR

IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi memohon jawatan-jawatan bertaraf **tetap** di Majlis Bandaraya Alor Star mengikut kekosongan jawatan seperti berikut :

1.	JAWATAN / GRED	KEKOSONGAN
1.1	Akauntan Gred W41	1
1.2	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41	1
1.3	Pegawai Penilaian Gred W41	1
1.4	Juruaudit Gred W41	1
1.5	Penolong Jurutera Gred J29	2
1.6	Penolong Akauntan Gred W27	1
1.7	Penolong Pegawai Penilaian Gred W27	2
1.8	Pembantu Penilaian Gred W17	5
1.9	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	30
1.10	Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi) Gred N17	2
1.11	Pengawal Keselamatan Gred KP11	5
1.12	Penghantar Notis Gred N3	8
1.13	Pemandu Kenderaan Gred R3	4

2. JADUAL GAJI

2.1	Akauntan Gred W41	:	P1T1 RM 1480.70 - P1T27 RM 4077.36 P2T1 RM 1564.19 - P2T27 RM 4320.57 P3T1 RM 1651.31 - P3T27 RM 4569.83
2.2	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41:	:	P1T1 RM 1899.01 - P1T25 RM 4715.47 P2T1 RM 1995.02 - P2T25 RM 4988.08 P3T1 RM 2095.21 - P3T25 RM 5284.57
2.3	Pegawai Penilaian Gred W41	:	P1T1 RM 1702.81 - P1T27 RM 4688.95 P2T1 RM 1798.82 - P2T27 RM 4968.61 P3T1 RM 1899.01 - P3T27 RM 5255.39
2.4	Juruaudit Gred W41	:	P1T1 RM 1702.81 - P1T27 RM 4688.95 P2T1 RM 1798.82 - P2T27 RM 4968.61 P3T1 RM 1899.01 - P3T27 RM 5255.39
2.5	Penolong Jurutera Gred J29	:	P1T1 RM 1549.40 - P1T21 RM 3046.80 P2T1 RM 1620.49 - P2T21 RM 3241.91 P3T1 RM 1694.60 - P3T21 RM 3430.90
2.6	Penolong Akauntan Gred W27	:	P1T1 RM 1209.09 - P1T26 RM 3031.64 P2T1 RM 1278.67 - P2T26 RM 3217.79 P3T1 RM 1351.27 - P3T26 RM 3409.80
2.7	Penolong Pegawai Penilaian Gred W27	:	P1T1 RM 1209.09 - P1T26 RM 3031.64 P2T1 RM 1278.67 - P2T26 RM 3217.79 P3T1 RM 1351.27 - P3T26 RM 3409.80

2.8	Pembantu Penilaian Gred W17	:	P1T1 RM 821.89 - P1T24 RM 2152.86 P2T1 RM 873.32 - P2T24 RM 2274.01 P3T1 RM 926.26 - P3T24 RM 2399.46
2.9	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	:	P1T1 RM 820.38 - P1T24 RM 2151.35 P2T1 RM 871.81 - P2T22 RM 2272.50 P3T1 RM 924.75 - P3T22 RM 2397.95
2.10	Pembantu Tadbir (Perkeranian /Operasi) : Gred N17	:	P1T1 RM 820.38 - P1T24 RM 2151.35 P2T1 RM 871.81 - P2T22 RM 2272.50 P3T1 RM 924.75 - P3T22 RM 2397.95
2.11	Pengawal Keselamatan Gred KP11	:	P1T1 RM 740.62 - P1T22 RM 1714.26 P2T1 RM 783.09 - P2T22 RM 1802.40 P3T1 RM 827.19 - P3T22 RM 1892.17
2.12	Penghantar Notis Gred N3	:	P1T1 RM 709.59 - P1T18 RM 1534.57 P2T1 RM 752.06 - P2T18 RM 1617.82 P3T1 RM 796.16 - P3T18 RM 1702.70
2.13	Pemandu Kenderaan Gred R3	:	P1T1 RM 701.42 - P1T17 RM 1354.86 P2T1 RM 743.89 - P2T17 RM 1423.41 P3T1 RM 787.99 - P3T17 RM 1493.59

3. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut :

- 3.1 Terdiri dari warganegara Malaysia ;
- 3.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- 3.3 Memenuhi syarat-syarat kelayakkan jawatan yang dinyatakan di **perenggan 4**.

4. SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN

4.1 Akauntan Gred W41

- 4.1.1 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T8); **atau**
- 4.1.2 Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T8); **atau**
- 4.1.3 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T9); **atau**
- 4.1.4 Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia. (Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T10); **dan**
- 4.1.5 Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.1.6 **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**
Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Akauntan yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - a) Mempunyai kelayakan di **perenggan 4.1.1 hingga 4.1.5** di atas; **dan**
 - b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- 4.2 **Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41**
- 4.2.1 Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya ; (Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T1); **atau**
- 4.2.2 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T3); **atau**
- 4.2.3 Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat atau Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T6); **atau**
- 4.2.4 Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat atau Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F41:P1T9); **dan**
- 4.2.5 Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.2.6 **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**
 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbang oleh pihak berkuasa melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan **dan :**
- Mempunyai kelayakan di perenggan 4.2.1 hingga 4.2.5 diatas; **dan**
 - Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan
- 4.3 **Pegawai Penilaian Gred W41**
- 4.3.1 Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T5) ; **DAN**
- 4.3.2 Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.3.3 **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**
 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian adalah layak dipertimbang oleh pihak berkuasa melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penilaian Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan **dan :**
- Mempunyai kelayakan di perenggan **4.3.1** dan **4.3.2** diatas; **atau**
 - Lulus Peperiksaan Ikhtisas Bahagian I, Bahagian II dan Bahagian III anjuran Lembaga Penilai dan Penaksir Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
 - Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan .
- 4.4 **Juruaudit Gred W41**
- 4.4.1 Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T3); **atau**
- 4.4.2 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T8); **atau**
- 4.4.3 Ahli Penuh Badan –Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan (Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T8); **atau**

- 4.4.4 Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf setaraf Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T9); **atau**
- 4.4.5 Ahli Penuh Malaysia Institut Akauntan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41:P1T10); **dan**
- 4.4.6 Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.4.7 **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**
Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Juruaudit adalah layak dipertimbang oleh pihak berkuasa melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruaudit Gred W41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan **dan** :
- a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan **4.4.1 hingga 4.4.6** diatas; atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; **dan**
 - b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan .
- 4.5 **Penolong Jurutera Gred J29**
- 4.5.1 Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred J29:P1T2); **dan**
- 4.5.2 Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.5.3 **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**
Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik bidang kejuruteraan dan Pemeriksa Kereta Motor adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan **dan**:-
- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan **4.5.1 dan 4.5.2** di atas; atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- 4.6 **Penolong Akauntan Gred W27**
- 4.6.1 Diploma dalam bidang Pengajian Perdagangan, Pengajian Bank atau Pengajian Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27:P1T5); **atau**
- 4.6.2 Licentiate of Chartered of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27:P1T8); **dan**
- 4.6.3 Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.6.4 **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**
Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan adalah layak dipertimbang oleh pihak berkuasa melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan **dan** :
- a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan **4.6.1 hingga 4.6.3** di atas; **atau**
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan .

- 4.7 **Penolong Pegawai Penilaian Gred W27**
- 4.7.1 Diploma dalam bidang Pengurusan Harta Tanah atau Pengurusan Harta Benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27:P1T6); **dan**
- 4.7.2 Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.7.3 **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**
Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbang oleh pihak berkuasa melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan kejawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
- a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan **4.7.1 dan 4.7.2** di atas; **atau**
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan
 - b) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan .
- 4.8 **Pembantu Penilaian Gred W17**
- 4.8.1 Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat tersebut; **Dan**
- 4.8.2 Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.9 **Pembantu Penguatkuasa Gred N17**
- 4.9.1 i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **atau**
- ii) Bekas anggota Polis Diraja Malaysia atau Angkatan Tentera Malaysia yang Berpangkat Koperal ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
- 4.9.2 Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:
- i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - iii) Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - iv) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - v) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vi) Diakui sihat dan sesuai oleh Pegawai Perubatan kerajaan ; **dan**
- 4.9.3 Calon yang memiliki kelayakan di **perenggan 4.9.1 (i) atau 4. 9.1 (ii)** di atas hendaklah lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.9.4 Bekas anggota Angkatan Tentera Malaysia yang bersara di bawah peraturan pencen Angkatan Tentera Malaysia serta memenuhi syarat pelantikan pesara di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008, boleh memohon untuk dipertimbangkan **lantikan secara kontrak.**

- 4.10 **Pembantu Tadbir (P/ O) Gred N17**
- 4.10.1 Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan ; **dan**
- 4.10.2 Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan / atau mengambil trengkas).
- 4.11 **Pengawal Keselamatan Gred KP11**
- 4.11.1 (i) Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **ATAU**
- (ii) Bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
- 4.11.2 Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) Mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa tarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
- (iv) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; **DAN**
- (v) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; **DAN**
- 4.13.3 Calon yang memiliki kelayakan di perenggan **4.11.1 (i)** hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 4.12 **Penghantar Notis Gred N3**
- 4.12.1 **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**
- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan **Pembantu Am Pejabat** adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk **kenaikan pangkat secara lantikan** ke jawatan Penghantar Notis Gred N3, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan **dan**:-
- i) Berpelajaran diperingkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **atau**
- ii) Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **dan**
(Gaji permulaan ialah pada Gred N3:P1T2); **atau**
- iii) Lulus Peperiksaan Khas;
- iv) Mempunyai lesen menunggang motosikal yang sah; **dan**
- v) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

4.13 **Pemandu Kenderaan Gred R3**

- 4.13.1 Tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan;
- 4.13.2 Memiliki lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)];
- 4.13.3 Berkebolehan memandu, mengendali dan menyengara kenderaan bermotor berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
Gaji permulaan ialah pada Gred R3 :
 - Lesen D P1T3 RM 783.10
 - Lesen E/E1/E2 P1T4 RM 823.94
 - Lesen F/H P1T5 RM 864.78
 - Lesen G/I P1T6 RM 905.62
- 4.13.4 Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan baik.

5. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Calon-calon yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. **CARA-CARA MEMOHON**

- 6.1 Borang permohonan boleh dipohon daripada Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Alor Star, Jalan Kolam Air, 05675 Alor Star dengan dikenakan bayaran RM1.00 dalam bentuk Wang Pos (bayar kepada: Datuk Bandar, MBAS) dengan mengemukakan sampul surat berukuran 23sm X 11sm berselem 30 sen dan beralamat sendiri **ATAU** borang permohonan boleh didapati di pejabat Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan MBAS, Tingkat 8, Menara MBAS (City Plaza), Jalan Kolam Air, 05675 Alor Star.
- 6.2 Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memajukan borang permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan Kenyataan Perkhidmatan dan Penyata Sulit Khas mengikut Perintah Am 21 Bab A, bersekali dengan Laporan Nilai Prestasi Tahun terakhir.
- 6.3 Borang permohonan yang telah lengkap diisi mestilah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil-sijil Kelayakan Akademik dan Sijil-sijil berkaitan yang diperakui sah sebagai salinan sebenar serta sekeping gambar terbaru berukuran pasport.
- 6.4 Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan alamatkan kepada :

DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA ALOR STAR
JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR STAR
KEDAH DARUL AMAN

7. **CATATAN AM**

- 7.1 Permohonan yang melibatkan jawatan-jawatan di **perenggan 1.5 hingga 1.13**, keutamaan diberi kepada pemohon dari kalangan rakyat negeri Kedah Darul Aman.
- 7.2 Iklan Jawatan MBAS ini boleh didapati di laman web **www.mbas.gov.my**.
- 7.3 Permohonan jawatan kosong ini hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Majlis Bandaraya Alor Star.
- 7.4 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

- 7.5 Borang Permohonan yang tidak lengkap, tidak melalui Ketua Jabatan masing-masing (bagi pegawai perkhidmatan awam) serta tidak menyertakan salinan dokumen-dokumen yang diperakui sah sebagai salinan sebenar akan ditolak.
- 7.6 Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan selepas dari tarikh iklan ditutup, hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

8. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **2 OGOS 2009** .Borang permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.

